

**BAB 7 : EKONOMI MALAYSIA****SPM2004**

1. Mengapakah kerajaan masih memberi perhatian yang serius terhadap sektor utama walaupun pergantungan kepada sektor ini menimbulkan pelbagai masalah?
  - A. Harga pasaran keluaran sektor utama semakin stabil.
  - B. Keupayaan menyerap guna tenaga oleh sektor utama tidak terlalu tinggi.
  - C. Modal yang diperlukan bagi pembangunan sektor utama tidak terlalu tinggi.
  - D. Sektor utama merupakan pembekal bahan mentah kepada perindustrian.
  
2. Antara berikut, yang manakah tergolong dalam jenis pekerjaan sektor ketiga?
  - A. Tukang cat
  - B. Penyelia ladang
  - C. Jurutera petroleum
  - D. Pekerja kuari
  
3. Bagaimanakah kerajaan mendapat pembiayaan daripada institusi kewangan Islam?
  - A. Menjual sijil pelaburan
  - B. Menjual bil perbendaharaan
  - C. Menjual surat jaminan kerajaan
  - D. Menjual sijil simpanan premium
  
4. Antara berikut, yang manakah merujuk kepada komponen perbelanjaan pembangunan kerajaan?
  - A. Subsidi kepada petani
  - B. Pembayaran gaji guru
  - C. Bayaran balik pinjaman
  - D. Pembinaan perumahan tentera
  
5. Antara berikut, yang manakah matlamat kerajaan membuat pinjaman?
  - I Melaksanakan projek pembangunan
  - II Menampung perbelanjaan mengurus
  - III Menggalakkan industri berorientasikan eksport

IV Menampung kekurangan dalam perbelanjaan kerajaan

- A. I, II, dan III
- B. I, II, dan IV
- C. I, III, dan IV
- D. II, III, dan IV

6. Antara berikut, institusi kewangan yang manakah merupakan sumber pinjaman terbesar kerajaan?

- A. Syarikat insurans
- B. Syarikat kewangan
- C. Lembaga Urusan Tabung Haji
- D. Kumpulan Wang Simpanan Pekerja

7. Pernyataan berikut adalah berkaitan dengan suatu jenis cukai.

Beban cukai ini tidak semestinya ditanggung oleh pembayar cukai.

Pernyataan itu merujuk kepada

- A. Cukai pusaka
- B. Cukai pembangunan
- C. Cukai perkhidmatan
- D. Cukai pendapatan syarikat

**SPM2005**

1. Antara berikut, jenis pekerjaan yang manakah tergolong dalam sektor kedua?
  - I Pengurus kilang perabot
  - II Juruteknik syarikat memproses makanan haiwan
  - III Kontraktor firma pembinaan
  - IV Pengurus pemasaran firma pelancongan
  - A. I, II, dan III
  - B. I, II, dan IV
  - C. I, III, dan IV
  - D. II, III, dan IV

2. Pergantungan ekonomi negara kepada sektor utama akan menyebabkan

- I peluang pekerjaan terjejas
- II harga komoditi tidak stabil
- III sumber asli negara mengalami kehausan
- IV Pendapatan negara bertambah

- A. I, II, dan III
- B. I, II, dan IV
- C. I, III, dan IV
- D. II, III, dan IV

3. Antara berikut, pasangan manakah yang benar?

	Perbelanjaan Mengurus	Perbelanjaan Pembangunan
A.	Perkhidmatan sosial	Bekalan dan perkhidmatan
B.	Pentadbiran am	Bayaran khidmat hutang
C.	Emolument, pencen, dan ganjaran	Sektor perkhidmatan ekonomi
D.	Keselamatan	Biasiswa dan bantuan pelajaran

4. Antara berikut, yang manakah bukan cukai langsung?

- A. Cukai pintu
- B. Cukai perkhidmatan
- C. Cukai pendapatan koperasi
- D. Cukai keuntungan syarikat

---

**SPM2006**

---

1. Antara yang berikut, yang manakah kesan perubahan struktur ekonomi negara?

- I Kadar pengangguran meningkat
- II Guna tenaga sektor utama meningkat
- III Kemasukan pelaburan asing bertambah
- IV Perkembangan pesat sektor perkilangan

- A. I dan II
- B. I dan III
- C. II dan IV
- D. III dan IV

Jawapan bagi **soalan 2** merujuk kepada senarai perbelanjaan kerajaan dalam jadual berikut:

I	Pembayaran gaji kakitangan
II	Pembinaan jalan raya
III	Penyelenggaraan jalan raya
IV	Pembelian peralatan ketenteraan
V	Pemberian subsidi kepada petani
VI	Pengubahsuaian pejabat kerajaan

2. Tentukan perbelanjaan mengurus.

- A. I, II, dan III
- B. I, III, dan V
- C. II, IV, dan VI
- D. IV, V, dan VI

3. Antara yang berikut, tindakan kerajaan yang manakah akan mengurangkan kadar pengangguran?

- I Mengurangkan perbelanjaan kerajaan
- II Menaikkan perbelanjaan kerajaan
- III Menaikkan kadar cukai
- IV Menurunkan kadar cukai

- A. I dan III
- B. I dan IV
- C. II dan III
- D. II dan IV




4. Antara yang berikut, yang manakah cara kerajaan memperoleh pinjaman dari luar negara?

- I Menerbit sijil pelaburan
- II Membuat pinjaman projek
- III Menerima kredit pembekal
- IV Menerbit bil-bil perbendaharaan

- A. I dan II
- B. I dan IV
- C. II dan III
- D. III dan IV

**SPM2007**

1. Gambar yang manakah menunjukkan contoh pekerjaan dalam sektor kedua?



2. Pernyataan yang manakah berkaitan dengan cukai tidak langsung?
- Encik Razman membayar duti setem apabila menandatangani surat perjanjian pembelian rumah
  - Syarikat Ah Foo Berhad membayar cukai sebanyak 28% daripada keuntungannya kepada kerajaan.
  - Puna Parvathi membayar tambahan 5% daripada jumlah harga makanan di restoran makanan segera.
  - Petronas membayar 38% daripada jumlah pendapatan syarikat kepada kerajaan.

**SPM2008**

1. Contoh yang manakah merupakan cukai tidak langsung?

- Cukai tanah
- Cukai pintu
- Duti eksais
- Duti stem

2. Maklumat berikut berkaitan dengan perbelanjaan pembangunan sebuah negara.

Kerajaan telah memperuntukkan RM40 juta untuk membina sebuah hospital

Apakah jenis perbelanjaan pembangunan tersebut?

- Keselamatan
- Pentadbiran Am
- Perkhidmatan Sosial
- Perkhidmatan Ekonomi

3. Bagaimanakah kerajaan menggunakan belanjawan negara untuk mengatasi inflasi?

	<b>Perbelanjaan Kerajaan</b>	<b>Kadar Cukai</b>
<b>A.</b>	Berkurang	Bertambah
<b>B.</b>	Berkurang	Berkurang
<b>C.</b>	Bertambah	Bertambah
<b>D.</b>	Bertambah	Berkurang

4. Sumber pinjaman manakah merupakan pinjaman dalam negeri?

- Pinjaman projek
- Sijil pelaburan
- Kredit pembekal
- Pinjaman pasaran